

# UTUSAN MALAYSIA

## 2 MAC 2013

### Debat Ala Presiden mercu kepimpinan

KUALA LUMPUR 1 Mac - Debat ala presiden merupakan pendekatan baharu ke arah memperkasakan bidang kepimpinan dalam kalangan mahasiswa ketika ini.

Timbalan Naib Canselor Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Prof. Madya Dr. Mohd. Fadzil Che Din berkata, debat tersebut dilihat dapat mengasah bakat golongan muda menjadi pelapis kepimpinan negara.

"Pertandingan Debat Ala Presiden Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Piala Menteri Pengajian Tinggi mencabar peserta mengeluarkan fakta yang tepat dengan matang.

"Pertandingan ini mencungkil bakat mereka sebagai pendebat sekaligus mengukuhkan kebenaran serta keyakinan diri masing-masing," katanya ketika berucap dalam majlis makan malam sempena pertandingan berkenaan di sini malam ini.

Yang turut hadir, Penolong Ketua Pengarang 1 Kumpulan Utusan, Datuk Zaini Hassan.

Sebanyak 40 IPT dan 67 hakim terlibat dalam pertandingan anjuran UPNM dan Majlis Debat Universiti Malaysia (MADUM) tersebut yang bermula hari ini hingga 4 Mac ini.

Sementara itu, Mohd. Fadzil menjelaskan, keamanan merupakan tunjang kepada pembangunan sesebuah negara dan perkara tersebut dibuktikan menerusi apa yang dikecapi negara ketika ini.

Beliau turut mengambil contoh negara Ghana yang mencapai kemerdekaan tahun sama dengan Malaysia, namun masih terkebelakang dari segi pembangunan akibat keadaan tidak aman.

Berbanding negara itu, katanya, kepimpinan negara selama ini menitikberatkan keamanan supaya pembangunan negara dapat dilaksanakan dengan berkesan.

"Oleh itu, semua pihak mempunyai tanggungjawab menjadi pewaris kepada keamanan negara yang berharga ini," ujarnya.



MOHD. Fadzil Che Din (kanan) menerima replika cek tajaan daripada Zaini Hassan pada Majlis Makan Malam Sempena Debat Keamanan Ala Presiden Antara IPT 2013 di Dewan Tun Tempier, UPNM, Kem Sungai Besi, Kuala Lumpur, malam tadi.